



1. Petikan di bawah berkaitan dengan jalan raya di Malaysia.



Sebahagian besar jalan raya di Malaysia dibina oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri iaitu sepanjang 61 420 km jalan raya negeri serta 18 904 km jalan raya persekutuan. Sejak tahun 1980-an, pembinaan lebuh raya bertol telah dimulakan oleh sektor swasta dan kini Malaysia mempunyai lebih daripada 2 000 km lebuh raya bertol terutamanya di Lembah Klang.

Adakah anda bersetuju dengan pembinaan lebuh raya bertol di Malaysia? Berikan alasan anda.

2. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Sanggup abaikan soal kualiti

KUANTAN: Lambakan produk kosmetik di pasaran tempatan menambahkan permintaan pasaran terhadapnya. Sinar Harian telah meninjau ke beberapa lokasi tumpuan untuk melihat keadaan lambakan produk kosmetik. Memang wujudnya pembeli tegar yang setia menggunakannya walaupun mereka tahu produk tersebut merupakan barangan tiruan. Seorang peniaga berkata bahawa penjualan produk kosmetik kadang kala mampu mendapatkan pulangan yang lumayan terutamanya menjelang musim perayaan dan pada awal bulan.

“Sebagai peniaga, kita mestinya nak jual barangan yang dapat permintaan tinggi daripada pengguna, jadi pemilihan jenis produk penting juga. Pembeli pada masa kini dah tak fikirkan soal keaslian dan mutu produk, malah mereka tak kisah beli barangan tiruan asalkan kualitinya hampir sama. Malah harga tiruan jauh lebih murah dan mudah juga bagi mereka yang ingin mengumpul untuk jadinya sebagai koleksi sebab barang kosmetik ini sentiasa ada keluaran terbaharu,” katanya kepada Sinar Harian.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.sinarharian.com.my)

- (a) Jelaskan sebab-sebab berlakunya masalah di atas.
- (b) Jelaskan tindakan pihak berikut untuk mengatasi masalah di atas.
 - (i) Pengguna
 - (ii) Kerajaan